



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 Jul2021 (Friday)

Utusan Malaysia

Sultan Selangor titah segera vaksin AJK masjid, surau	1
Rasuah sama haram makan babi	2
Bolehkah bagi terus zakat dalam pandemik Covid-19	3
Rangkul kejuaraan kelapan? Perjalanan masih jauh - Mora	4

Kosmo

Segerakan vaksin imam, jurunikah	5
JDT belum terbayang gelaran	6

Sinar Harian

Rasuah: Ikan busuk dari kepala	7
Anhar dilantik Mufti Selangor baharu	8
Selangor lulus 6,219 permohonan rebat pengangkutan suntikan vaksin	9

The Star

Aiming for 80% staff vaccination	10
Confusion over appointments received from two different apps	11
MBSA mulls idea of helping to pay needy residents bills	12
Volunteers briefed on burial SOP for muslim Covid -19 patients	13
Five sectors essential to economic growth	14

The Sun

Inoculate imams first, says Selangor Sultan	15
Tropicana: Come join our Smart Partnership Programme	16

China Press

2 morning markets closed 2 weeks for disinfection; Kajang Pasar increases to 45 confirmed cases.	17
SS15 Pasar and Food Court closed today for sanitization.	18
Imam, bilal, siak and jurunikah; Selangor Sultan orders Health Bureau to speed up vaccinations.	19
Jalan Besar Kampung Bukit Lanchong demolition of violation roadside buildings.	20

Sin Chew Daily

Sewage polluted river, dead fish and shrimp make stench, Kalumpang chicken farm is closed for 2 weeks	21
---	----

Nanyang Siang Pau

MPKj's 2 pasars closed for 2 weeks over suspected Covid-19 infections	22
Hee Loy sian : Walk-in vaccination caused many problems for immunisation plan	23

Guang Ming Daily

Teng Chang Khim: With the impact of "Operation Surge Capacity" on SelVax, employers promote free vaccinations for employees.	24
--	----

Malaysia Nanban

Rebate to 6,219 people!	25
-------------------------	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 July 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor titah segera vaksin AJK masjid, surau
Muka Surat	:	8

Sultan Selangor titah segera vaksin AJK masjid, surau

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mempercepat proses vaksinasi Covid-19 kepada ahli jawatan kuasa masjid dan surau.

Istana Bukit Kayangan dalam kenyataan semalam memaklumkan, baginda bertitah gesaan itu meliputi imam, bilal, siak dan jurunikah di seluruh negeri ini sebagai persediaan awal bagi membolehkan masjid dan surau dibuka untuk lebih ramai jemaah.

“Ini khususnya bagi menunaikan Solat Jumaat, bergantung kepada perkembangan terkini Pelan Pemulihan Negara (PPN).

“Baginda berpandangan adalah penting untuk imam, bilal, siak serta jurunikah diberi keutamaan memperoleh vaksin secepat mungkin sebagai perlindungan kerana tugas mereka terdedah kepada risiko jangkitan yang lebih tinggi,” katanya.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan berangkat mengurniakan watakah pelantikan baharu kepada Mufti Selangor dan timbalannya di Istana Bukit Kayangan di sini.

Datuk Dr. Anhar Ophir kini sdilantik sebagai Mufti Selangor berkuat kuasa sejak 21 Mei lalu.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

Beliau yang sebelum ini memegang jawatan Timbalan Mufti Selangor sejak 2016 berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Feqh Wa Usuluh), Mumtaz dari The World Islamic Sciences And Education University (WISE), Jordan dan Ijazah Sarjana (Falsafah Islamiah), Mumtaz dari Universiti Kaherah, Mesir

Sejak 2007, anak kelahiran Kapar, Klang itu turut bertindak selaku pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Antara kertas kerja yang pernah dihasilkan beliau berta-

juk Kepentingan Bermazhab Di Sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sementara itu, jawatan Timbalan Mufti Selangor kini diambil alih Prof. Madya Dr. Miszairi Sitiris.

Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah IRKH (Fiqh dan Usul Al-Fiqh) dari Universiti Islam Antarabangsa (IIUM).

Dr. Miszairi yang bertugas sebagai pensyarah di IIUM sejak 1996 pernah menerbitkan artikel bertajuk Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian di bawah Jurnal Undang-Undang Malaysia.



KERATAN AKHBAR		
30 July 2021		
Akhrar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Rasuah sama haram makan babi
Muka Surat	:	16

Rasuah sama haram makan babi



TITAH Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Rabu lalu supaya kurniaan darjah, bintang kebesaran serta pingat negeri bagi pegawai kerajaan dan ahli politik yang didapati melakukan rasuah akan ditarik balik, amat dialu-alukan.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita apabila mengetahui beberapa pegawai kerajaan di negeri itu terlibat dengan kegiatan rasuah, baru-baru ini.

"Baginda menegaskan bahawa pegawai kerajaan di Selangor yang didapati rasuah atau pecah amanah perlu dikenakan tindakan tatartertib dan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

"Kegiatan rasuah boleh meruntuhkan imej pentadbiran dan nama baik seluruh pegawai kerajaan negeri ini," katanya.

Ini membuktikan keprihatinan dan ketegasan baginda membantaras rasuah. Sekali gus, bertepatan dengan kedudukan baginda sebagai ketua agama Islam di Selangor.

Terkini, Mahkamah Majistret Putrajaya memerintahkan dua lagi individu iaitu seorang pegawai daerah dan seorang juruukur bahan direman selama lima hari bermula 24 Julai lalu.

Ia susulan penahanan tiga individu termasuk dua bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran di Selangor dan seorang kontraktor, Jumaat lalu yang disyaki menerima rasuah daripada kontraktor.

Pada 27 Mei lalu pula, dua kakitangan termasuk seorang pegawai Bahagian Komunikasi Korporat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan menerima rasuah berjumlah RM69,892, lapan tahun lalu.

Demikianlah manusia. Apabila nafsu serakah



ANTARA faktor mendorong rasuah adalah keinginan hidup mewah melebihi kemampuan.

menguasai diri, halal haram ditolak tepi. Walhal, pengharaman rasuah itu sudah jelas dalam Islam.

Antaranya firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).* (al-Baqarah: 188)

JANGAN MENINDAS

Antara faktor mendorong rasuah adalah keinginan hidup mewah melebihi kemampuan. Islam tidak melarang umatnya hidup mewah asalkan harta dan kekayaan itu hasil titik peluh sendiri baik dari segi perniagaan dan sebagainya. Yang dilarang adalah melakukan penindasan termasuk makan rasuah untuk hidup kaya raya.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW mengingatkan kita untuk sentiasa bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah. Ia bukan semata-mata dalam bentuk fizikal iaitu wang ringgit dan harta yang bertimbin-timbin. Tetapi

“Apabila nafsu serakah menguasai diri, halal haram ditolak tepi. Walhal, pengharaman rasuah itu sudah jelas dalam Islam.”

ia merangkumi nikmat kesihatan, hidup berkeluarga dan ketenangan.

Sebab itu, untuk menjadi insan yang bersyukur, seseorang itu perlu melihat orang lain yang berada di bawahnya. Untuk menjadi orang yang bertakwa pula hendaklah melihat kepada orang lain yang lebih banyak amal solehnya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Lihatlah kepada orang yang lebih rendah daripada kamu dan janganlah kamu melihat kepada orang yang berada di atas kamu kerana yang demikian itu lebih patut bagi kamu supaya kamu tidak meremehkan nikmat Allah yang diamugerahkan kepada kamu.* (Riwayat Bukhari)

Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), rasuah ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah, diskaun.

Undang-undang Malaysia yang terkandung dalam Seksyen 3(a), (b) dan 4(a)(b), Akta Pencegahan Rasuah 1996 (Pindaan 1997) menafsirkan rasuah sebagai: *"Menerima atau memberi apa-apa suapan sebagai dorongan, upah atau galakkan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan atau untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ada hubungan dengan prinsipalnya".*

Suapan pula, menurut Seksyen 2, Akta Pencegahan Rasuah 1997 ialah: *"Wang, derma, pinjaman, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tidak alih atau apa-apa manfaat seumpamanya".*

Lebih mendukacitakan, apabila rasuah itu melibatkan orang Islam. Malaysia pula meletakkan dalam Perlembagaan iaitu Islam sebagai agama bagi negara. Soalnya, di mana hendak

kita letakkan maruah Islam apabila pelaku rasuah adalah orang Islam dan mereka maklum tentang haramnya rasuah?

Bagi yang masih tidak mengerti, dinukilkan sabda Nabi SAW yang bermaksud: *Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.* (Riwayat Ahmad dan al-Tirmidzi)

Malaysia juga jatuh ke kedudukan ke-57 daripada 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International (TI) 2020. Bagi 2019, Malaysia berada di kedudukan ke-51.

Yang memalukan, negara yang majoriti bukan Islam iaitu New Zealand dan Denmark berkongsi tangga pertama manakala Syria, Sudan Selatan dan Somalia berada di kedudukan terbah. Dalam negara ASEAN, Singapura berada di kedudukan teratas diikuti Brunei.

Agaknya, cara terbaik untuk memahami golongan yang makan rasuah ini adalah mengambil analogi rasuah dan makan babi. Kedua-duanya haram dalam Islam. Namun, kita tidak rasa jijik bila makan rasuah sebagaimana jijiknya makan daging babi.

Namun, makan babi itu tidak haram secara mutlak. Ia harus dimakan jika kita berada dalam darurat. Makan seadanya bagi meneruskan hidup.

Ini dijelaskan menerusi firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu makan bangkai dan darah dan daging babi dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah dia berdosa), sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* (an-Nahl: 115)

Adapun, haramnya rasuah itu adalah mutlak. Tidak ada pengecualian walaupun dengan duit rasuah itu dia banyak bersedekah dan membuat kebaikan. Sebabnya, ia bersumberkan perbuatan haram.

Ingatlah sabda Nabi SAW yang bermaksud: *Tidak akan memasukimu syurga, daging yang tumbuh daripada yang haram, api neraka lebih utama baginya.* (Riwayat Ahmad).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 July 2021		
Akhtar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bolehkah bagi terus zakat dalam pandemik Covid-19
Muka Surat	:	17

Oleh HAMILZUL ABDUL HAMID
 @paujan@utusan.com.my

ANTARA isu yang menjadi perhatian banyak pihak adalah boleh seseorang itu menyebarkan sendiri zakat kepada mereka yang memerlukan di era pandemik Covid-19 ini tanpa melalui pusat zakat?

Ini menjadi lebih mendasar apabila ia melibatkan aspek beramal, jiran tetangga dan sahabat karib.

Rendahnya, dalam amalan atau praktik menyebarkan hartanah, semua pihak mahu agar agihan zakat menjadi efektif dan tidak dibebani dengan pelbagai kerosakan hartanah.

Maka, atas dasar itu ada pihak yang mengambili jalan pintas dengan mengabaikan amil zakat dan menyahkannya sendiri. Lebih berkesan kata mereka. Tidak dinafikan perkara ini sangat popular dan mengundang pujian.

Namun begitu, bagaimana jika pada pertengahan fah atau pandangan syarak? Ini kerana, zakat adalah ibadah fardu. Sama seperti solat, puasa dan haji. Setiap ibadah itu ada rukun dan syarat wajibnya, ada syarat sah dan batangnya.

Harta difahami bahawa zakat bukanlah seperti sedekah umum yang boleh diakukan secara terbuka. Tidak dinafikan juga itu itu mempunyai khilaf yang besar dalam kalangan fuqaha. Mengingat ada pendapat fuqaha yang menghalang zakat diagihkan sendiri. Oleh itu, penulisan ini tidak bermaksud menaikan pandangan para fuqaha tersebut.

Namun apa yang mahu ditanyakan adalah umat Islam di negara ini juga jangan lupa bahawa kita hidup di negara atau negeri yang mempunyai fawa dan mahfuzya sendiri. Lalu ketetapan fawa seterapat itu pernah dipatuhi demi mabukah (bahukan) semua pihak.

Dari aspek hukum fikah, berat bahawa adik berak atau jiran tetangga yang bukannya di bawah tanggungan wajib atau nafkah wajib (tidak wajib) adalah diharuskan menerima menerima zakat daripada seseorang muslim (pembayar zakat).



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (kanan) berkenan menerima zakat perniagaan bagi pihak Lembaga Zakat Selangor daripada Presiden Tenaga Nasional Berhad, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dalam satu majlis di Istana Bukit Krayangan, Shah Alam, Ogos tahun lalu.

Bolehkah bagi terus zakat dalam pandemik Covid-19?

Syarak hanya mengah pengalihan zakat kepada tanggungan sendiri, misalnya anak kandung, ibu bapa, isteri dan juga adik. Tidak sah zakat itu jika diberikan kepada mereka yang tidak dikenali oleh kerabat pada hari ini, faktor dan miskin.

Namun begitu, syarak dan hukum fikah juga menetapkan bahawa wujubnya tazara dalam peralihan zakat, iaitu zakat hendaklah diutamakan

melalui amil zakat. Ini kerana, zakat adalah tujuan keharuan dan kebajikan sosial, dan ia bermakna dalam urusan pemerintahan. Samalah macam cukai yang diakukan oleh kerajaan pada hari ini, faktor dan miskin.

Namun begitu, syarak dan hukum fikah juga menetapkan bahawa wujubnya tazara dalam peralihan zakat, iaitu zakat hendaklah diutamakan

dalam surah al-Taubah ayat 101 dan surah al-Hajj ayat 41. Ulama kontemporari, Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi telah mengutip isu ini secara jelas dan terperinci dalam kitabnya, *Riwayat Zakat*.

Antara lain beliau menyatakan: "Wajib bagi pemerintah mengizinkan para petugas zakat (amil) untuk memegang zakat kerana Nabi Muhammad SAW dan para Khalifah selepasnya



Syarak dan hukum fikah juga menetapkan bahawa wujubnya tatacara dalam peralihan zakat, iaitu zakat hendaklah disalurkan melalui amil zakat.

juga meluluskan perkara yang sama." (*Hukum Zakat*, hal. 543)

Dalam perbahasan fikah klasik juga sebahagian ulama menyatakan, perubahan zakat kepada amil itu berlaku tanpa ada sebarang batasan. Walaupun ternyata, pemerintah yang membolehkan kaitan zakat itu adalah fihak (sawag) yang sah berbanding dari dalam.

Namun begitu, para fuqaha mahir seperti Imam Syafi'i, Imam Maliki dan Imam Hanbali juga berketetapan dengan satu pendapat iaitu apabila pemerintah yang izin itu mula menyebarkan harta zakat, maka pemerintah hendaklah menyebarkan harta zakat daripada amil dan mengawal penyaluran untuk mengahkannya sendiri (*Hukum Zakat*, hal. 274-275).

Ternyata dalam konteks hari ini, semua pusat zakat di negara kita pada hakikatnya begitu sesos membolehkan zakat sendiri ada.

Malah usaha yang sama turut dilakukan dalam menyantuni mereka yang terdampak pandemik Covid-19, seperti golongan yang diasingkan kerja, kehilangan tempat bergantung akibat kemarau dan bap dan sebagainya lagi.

Dari laporan media massa dan media sosial sering terungkap betapa terkejutnya umat Islam yang mendengar berita bahawa zakat itu boleh disalurkan secara langsung kepada mereka yang memerlukan. Dengan wang itu, bersebablah mengah ketampanan kita.

Ini kerana, harta zakat itu sudah ada pemiliknya iaitu amil yang sepatutnya hendaklah diutamakan kepada mereka yang memerlukan. Dengan wang itu, bersebablah mengah ketampanan kita.

Bersambung di muka 18

Dari muka 17

Islam. Di dalam kitab yang banyak dalam masalah Syafie, iaitu *Fah al-Manhaj* al-Syafie juga menyatakan, pengalihan zakat yang dilakukan secara perundangan itu perlu dilakukan dengan tatacara yang sama ketertanya. Ia seperti mana dilakukan oleh para amil zakat yang telah.

Kesalahan menyebarkan zakat bakitraya boleh menyebabkan ia menjadi tidak sah, dan pemiliknya dikira mubah berutang di sisi Allah SWT.

Asas dasar itu, maka fardus di Malaysia juga menyatakan, memang sah jika zakat diakukan secara perundangan dengan syarat ia menjadi sah apabila zakat yang betul, namun perbuatan itu dibukukan berdasar. Ia berdasar kerana mengabaikan arahan ulil amri agar menyebarkan zakat kepada amil zakat, sedangkan menanti ulil amri adalah wajib (rujuk surah an-Nisa' ayat 59).

Maka, jalan terbaik yang boleh ditunjukkan adalah, kita perlulah menyebarkan zakat kepada amil yang bertamillah yang ada di tempat kita (pusat zakat).

Selain itu, jika kita melihat ada dalam kalangan samak saudara atau jiran tetangga yang memerlukan, maka mabuklah mereka itu membuat permohonan di pusat zakat yang ada. Hal ini sangat dianjurkan, kerana ia keluar dari khilaf (perubahan) dan mengah surah al-Ra'd.

Namun ada juga pandangan yang lebih ringan dengan membenarkan pemilik harta itu mengahilkan zakat daripada keseluruhan hartanya untuk dia agihkan sendiri.

Ini demi memenuhi keperluan si miskin sebelum pihak pusat zakat dapat membahutnya dengan lebih terawal.

Sebaliknya bukannya jika mahu membuat, gansuklah harta lain yang bukannya harta zakat. Misalnya wang sedekah. Dengan wang itu, bersebablah mengah ketampanan kita.



LEMBAGA Zakat Selangor menyerahkan bantuan ventilator kepada Hospital Selangor dalam membolehkan operasi hantaran sepanjang pandemik Covid-19. - HSNAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR



MEREKA yang ingin berkebajikan dalam memberi sumbangan membantu fahaman mengahilkan sedekah berbanding menggunakan wang zakat yang ada tatacara membelanjakannya.

orang-orang yang dekat dengan kita. Malah, hadis Nabi menyatakan, barang siapa bersebablah kepada saudaranya yang ada rahan kekerabatan, maka mereka akan mendapat dua pahala.

Pertama, pahala sedekah dan kedua, pahala kekerabatan. Ini sah, adalah menjadi satu prioritas bagi

umat Islam menyalurkan harta zakat mereka kepada pusat zakat sedia ada. Ini kerana, di bawah tanggungan pusat zakat itu sendiri, bukannya sudah wujud beratus ribu kebajikan sosial. Malah mungkin jutaan jiwa yang menjadi tanggungan wajib secara tetap rahan bulan.

Jika ketipian memusat, maka bantuan kepada mereka akan terputus dan kesannya akan membebaskan negara secara umum.

Selain itu, sudah terbukti pusat pusat zakat kita amat produktif membantu masyarakat yang susah dan terancam dengan Covid-19. Mereka melakukannya

dengan sangat tekun, profesional dan tiada sebarang buras politik, kaum dan ideologi, sesuai dengan kedudukan pusat pusat zakat di bawah teraja para ulian yang menjadi ketua agensi Islam negeri. Ternyata hal ini boleh menjamin bantuan yang adil.

Ia mahu menyebarkan bantuan kepada semua saudara dan jiran tetangga, bukannya sedekah. Ini kerana, sedekah adalah pemberian yang tidak terikat dengan perah menyebarkan kepada amil. Tidak seterap khilaf mengah menyebarkan sedekah, harta kepada si kaya sedek per.

Selain itu, agensi juga mengahilkan zakat kepada amil dan kehar dan khilaf (khalaf) fuqaha.

Ternyata, amalan yang memapat surah ialah menyebarkan zakat kepada amil dan kehar daripada khilaf itu juga ialah menyebarkan zakat kepada amil.

HAMILZUL ABDUL HAMID, Ketua Seksi Korporat, Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (MAM) dan Berhad (Kongsi & Hamid)@



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 July 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Rangkul kejuaraan kelapan? Perjalanan masih jauh - Mora
Muka Surat	:	36



PEMAIN JDT meraikan kejayaan menumpaskan Selangor dalam aksi Liga Super di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya kelmarin. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Rangkul kejuaraan kelapan? Perjalanan masih jauh - Mora

Oleh **ROZAIDI ZULKIFLI**
rozaidi.zulkifli@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tidak mustahil Johor Darul Ta'zim (JDT) mampu mempertahankan gelaran Liga Super kelapan berturut-turut ketika saingan berbaki tujuh perlawanan.

Bagaimanapun pengendali Harimau Selatan, Benjamin Mora enggan berasa selesa walaupun pasukannya kini menerajui liga dengan kelebihan enam mata.

Kemenangan 3-1 ke atas Selangor kelmarin dan kekalahan 0-2 pencabar utama mereka, Terengganu FC di tangan Melaka United FC meletakkan JDT selesa di persada liga.

Mora menganggap perjalanan pasukannya masih jauh dan apa saja boleh berlaku dalam baki tujuh perlawanan.

"Terdapat kombinasi keputusan dalam bola sepak, kami menang mereka (Terengganu) kalah. Satu perkara yang bagus apabila mendahului enam mata.

"Saya rasa kami mahu menjadi juara sejak perlawanan pertama lagi tapi perjalanan masih jauh.

"Kita tidak tahu mungkin ada kejutan dan setiap pasukan walaupun yang berada di kedudukan bawah, mereka akan beri tentangan 150 peratus.

"Kami sedar perkara itu, jadi perlu berhati-hati dan fokus satu perlawanan ke satu perla-

wanan.

"Tiga mata malam ini (semalam) beri keyakinan kepada pemain tapi kami hormati liga dan lawan yang akan datang, dan perlu bersedia untuk berdepan Perak (Sabtu ini)," katanya.

Sementara itu, pengendali Selangor, Karsten Neitzel mengakui kegagalan memanfaatkan beberapa peluang terutama pada babak kedua antara punca kegagalan *Red Giants*.

"Sekarang tempoh yang sukar tapi kami akan hadapi cabaran itu. Kami perlu lakukan proses pemulihan dengan baik dan saya akan lihat beberapa pemain dari pasukan kedua," ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 July 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Segerakan vaksin imam, jurunikah
Muka Surat	:	6

Sultan Selangor mahu masjid, surau bersedia dibuka untuk lebih ramai jemaah

Segerakan vaksin imam, jurunikah

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) supaya mempercepatkan proses vaksinasi Covid-19 kepada ahli jawatankuasa masjid dan surau.

Titah baginda, ia meliputi imam, bilal dan siak serta jurunikah di seluruh negeri itu sebagai persediaan awal bagi membolehkan masjid dan surau dibuka untuk lebih ramai jemaah.

"Ini khususnya bagi menunaikan solat Jumaat, bergantung kepada perkembangan terkini Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Beta berpandangan adalah penting untuk imam, bilal dan siak serta jurunikah ini diberi keutamaan memperoleh vaksin secepat mungkin sebagai perlindungan kerana tugas mereka terdedah kepada risiko jangkitan yang lebih tinggi," titah baginda menerusi Facebook Selangor Royal Office di sini semalam.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan berangkat mengurniakan watak pelantikan baharu Mufti Selangor dan tim-



SULTAN SHARAFUDDIN (tengah) bergambar bersama Anhar (kanan) dan Miszairi (kiri) di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam semalam.

balannya di Istana Bukit Kayangan di sini.
 Datuk Dr. Anhar Ophir kini

secara rasminya dilantik sebagai Mufti Selangor berkuat kuasa 21 Mei lalu. Sebelum ini, beliau me-

megang jawatan sebagai Timbalan Mufti Selangor sejak tahun 2016.

Sementara, Timbalan Mufti Selangor pula kini diambil alih Prof. Madya Dr. Miszairi Sitoris.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 July 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	JDT belum terbayang gelaran
Muka Surat	:	33

SUMAREH (kiri)
meledak satu gol
ketika membantu JDT
menewaskan Selangor
3-1 di Stadium
MBPJ kelmarin. -
SHIDDIEQIN ZON



JDT belum terbayang gelaran

Oleh **MUHAMMAD ZUHAILY**
BADLISHAH

KETUA jurulatih Johor Darul Ta'zim (JDT), Benjamin Mora menganggap perjalanan masih panjang sebelum mereka merangkul gelaran kelapan Liga Super berturut-turut selepas mendahului carta liga dengan kelebihan enam mata ketika ini.

Kemenangan 3-1 ke atas Selangor FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya kelmarin memberikan kel-

ebihan kepada Harimau Selatan tatkala pencabar terdekat di tangga kedua, Terengganu FC tewas mengejut 0-2 kepada Melaka United.

"Kalau ikutkan daripada perlawanan pertama lagi kami mahu menjadi juara (Liga Super) tetapi perjalanan kami masih panjang. Kami perlu menghormati pasukan-pasukan lain.

"Anda tidak tahu siapa yang akan memberi kejutan walaupun pasukan di tangga tercorot sekalipun. Mereka akan memberikan tentangan 150 peratus setiap kali menentang kami.

"Jadi, kami perlu berhati-hati

dan ambil pendekatan satu demi satu perlawanan. Tiga mata hari ini amat bermakna supaya dapat meningkatkan keyakinan pemain," kata Mora dalam sidang akhbar selepas tamat perlawanan itu.

Pengendali dari Mexico itu turut memuji prestasi Bergson da Silva yang dilihat sudah kembali menemui sentuhan penyudah tajamnya dengan satu gol ke atas Selangor.

Dua lagi gol JDT diperolehi menerusi Matt Davies dan Mohamadou Olusegun menghadihkan jaringan sagu hati buat Selangor.



KERATAN AKHBAR		
30 July 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Rasuah: Ikan busuk dari kepala
Muka Surat	:	17

Rasuah: Ikan busuk dari kepala



KURIK-KURIK KUNDI

-ZUKI PILEH

Berita penahanan dua bekas Yang Dipertua (YDP) majlis perbandaran di Selangor oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) minggu lalu adalah sesuatu yang mengejutkan.

Selama ini disangkakan hanya anggota penguat kuasa dan pegawai berpangkat rendah yang terlibat kes rasuah, rupanya orang No. 1 pihak berkuasa tempatan turut ada yang terpalit.

Dalam kes terbaharu di Selangor itu, kedua-dua bekas YDP majlis perbandaran itu masih bertugas sebagai pegawai daerah.

Mereka tidak bersalah selagi belum diputuskan oleh mahkamah. Turut ditahan ialah seorang kontraktor dan seorang juruukur bahan.

Sebenarnya pandangan orang ramai terhadap rasuah melibatkan dewan bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah sudah buruk walaupun hakikat-

nya tidaklah seteruk itu.

Kajian SPRM terhadap persepsi masyarakat tahun lalu menunjukkan orang ramai percaya hampir 80 peratus pegawai dan anggota penguat kuasa PBT di negara ini mengamalkan rasuah, sedangkan mereka yang terlibat sama ada memberi atau menerima sekitar 20 peratus sahaja.

Seperti kata pepatah lama, ikan busuk dari kepala. Kalau kepala sudah busuk, ia dengan mudah merebak ke bahagian badan dan ekor.

Begitulah juga kalau ketua sudah rosak integritinya, bagaimana pula anak-anak buahnya yang lain?

Penahanan bekas YDP itu merupakan tanda kesungguhan SPRM untuk membersihkan PBT dan agensi kerajaan daripada kartel rasuah.

Menurut sumber SPRM, individu terbabit dipercayai bersekongkol bersama syarikat kontraktor yang merupakan sindiket kartel projek bagi membolot projek-projek bernilai puluhan juta ringgit di empat daerah di Selangor sejak 2012.

Difahamkan, dalam tempoh empat tahun di sebuah daerah sahaja, kontraktor terlibat memperoleh pelbagai projek dianggarkan bernilai RM20 juta.

Modus operandinya ialah mengguna-

Penahanan bekas YDP itu merupakan tanda kesungguhan SPRM untuk membersihkan PBT dan agensi kerajaan daripada kartel rasuah."

kan kira-kira 70 syarikat bagi membolot projek-projek tersebut termasuk 16 syarikat milik keluarga dan selebihnya merupakan kroni atau proksi.

Bekas YDP terbabit dikatakan menerima lima peratus daripada nilai projek di samping pelbagai kemewahan lain termasuk ubah suai rumah dan percutian ke luar negara.

Tangkapan di Selangor itu adalah pembongkaran kedua SPRM berhubung kartel projek kerajaan.

April lalu, SPRM berjaya melumpuhkan satu sindiket kartel projek yang memonopoli sebanyak 345 tender daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara. Nilai projek berkenaan RM3.6 bilion.

Sindiket itu sudah beroperasi sejak 2014 dengan menggunakan lebih 150 syarikat untuk memasuki tender di ke-

menterian dan agensi terbabit.

Sesetengah pegawai tinggi kerajaan ini ada yang bergelar Datuk dan Datuk Seri. Maka, amaran Sultan Selangor untuk menarik balik kurniaan darjah dan bintang kebesaran negeri daripada individu yang didapati bersalah dalam rasuah adalah tepat dan wajar dicontohi negeri-negeri lain.

Sultan Sharafuddin Idris Shah menyifatkan "rasuah boleh merosakkan masyarakat dan meruntuhkan negara."

Amalan rasuah menyebabkan ada pemaju dan kontraktor sengaja mengurangkan kos pembinaan bagi memaksimumkan keuntungan.

Akibatnya ada pemaju yang menggunakan bahan bermutu rendah yang tidak mematuhi syarat kelulusan majlis tempatan atau melantik pekerja tidak berpengalaman.

Kalau sekadar membina tandas awam atau projek jalan kampung, mungkin cepat rosak sahaja. Bayangkan jika melibatkan bangunan besar seperti hospital dan kondominium, pasti nyawa jadi taruhan.

* Zuki Pileh ialah Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian



KERATAN AKHBAR		
30 July 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Anhar dilantik Mufti Selangor baharu
Muka Surat	:	25

Anhar dilantik Mufti Selangor baharu

Sultan Selangor kurnia watikah pelantikan mufti, timbalan mufti baharu

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada Datuk Dr. Anhar Opir sebagai Mufti Selangor yang baharu.

Sultan Sharafuddin turut berkenan menerima pelantikan Profesor Madya Dr Miszairi Sitoris sebagai Timbalan Mufti Selangor.

Pelantikan Anhar bagi memegang jawatan itu adalah berkuat kuasa pada 21 Mei lalu.

"Anhar, 45, anak kelahiran Kapar memegang jawatan sebagai Timbalan Mufti Selangor sejak

2016. Beliau memiliki kelulusan tertinggi Ijazah Doktor Falsafah (Feqh Wa Usuluh), Muntaz daripada The World Islamic Sciences and Education University (WISE), Jordan.

"Dr Miszairi pula berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah IRKH (Fiqh dan Usul Al-Fiqh) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan bertugas sebagai pensyarah di sana sejak 1996," menurut kenyataan di laman Facebook Selangor Royal Office.

Pelantikan Anhar untuk memegang jawatan berkenaan adalah bagi menggantikan penyandangannya, Datuk Mohd Tamyeh Abd Wahid yang memilih tidak menyambung kontraknya pada 19 Mei lalu untuk memberi peluang kepada orang baru yang lebih muda dan berkaliber.

Menerusi kemas kini sama, Sultan Selangor turut menggesa agar Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor



FOTO: FB SELANGOR ROYAL OFFICE

Sultan Sharafuddin bergambar bersama Anhar (kanan) dan Miszairi (kiri) selepas penyerahan watikah pelantikan di Istana Bukit Kayangan pada Khamis.

(JKNS) mempercepatkan proses vaksinasi Covid-19 bagi imam, bilal dan siak di seluruh negeri itu.

Baginda berpandangan golongan berkenaan perlu diberi keutamaan bagi menerima vaksin

Covid-19 sebagai perlindungan diri kerana mereka sering terdedah dengan risiko jangkitan wabak tersebut.

"Pemberian vaksin untuk golongan ini juga adalah sebagai persediaan bagi membolehkan

masjid dan surau dibuka kepada lebih ramai jemaah khususnya bagi menunaikan solat Jumaat, bergantung kepada perkembangan terkini Pelan Pemulihan Negara (PPN)," menurut kenyataan itu lagi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 July 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor lulus 6,219 permohonan rebat pengangkutan suntikan vaksin
Muka Surat	:	26

Selangor lulus 6,219 permohonan rebat pengangkutan suntikan vaksin

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor telah meluluskan sebanyak 6,219 permohonan rebat pengangkutan Grabcar kepada rakyat di negeri ini bagi mendapatkan suntikan vaksin di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Selangor sehingga 25 Julai lalu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sehingga kini sebanyak 8,704 permohonan telah diterima bagi mereka mendapatkan rebat pengangkutan RM20 (pergi dan balik).

Menurutnya, sebanyak 2,113 baucar rebat Grab bernilai RM20 setiap satu telah dimanfaatkan oleh rakyat Selangor.

"Rebat RM20 untuk Grab adalah insentif galakan dan memudahkan vaksin Covid-19 diambil dalam Pakej Kita Selangor 2.0 menerusi peruntukan RM1 juta dengan kos semasa RM43,260," katanya menerusi Facebook beliau pada Khamis.

Seramai 50,000 individu di negeri itu bakal menerima rebat pengangkutan untuk pengambilan vaksin terutama warga emas menerusi Pakej Kita Selangor 2.0.

